

Tun M pertahan cadangan menambat ringgit

SHAH ALAM - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terus mempertahankan cadangannya berkenaan langkah menambat ringgit untuk menangani penyusutan mata wang negara meskipun idea tersebut tidak diterima pelbagai pihak termasuk Bank Negara Malaysia (BNM).

Dalam satu hantaran di Facebooknya pada Khamis, Ahli Parlimen Langkawi itu berkata, beliau percaya langkah tersebut dapat memberikan kebaikan antaranya dalam menangani risiko kenaikan kos pengeluaran diakibatkan oleh peningkatan harga bahan mentah import dan penambahan kos dihadapi pengimport.

Menurutnya, negara juga boleh mengelakkan aliran keluar pelabur asing yang berkemungkinan berlaku akibat penyusutan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

"Apabila ringgit ditambah adakah ia akan menyebabkan aliran keluar pelaburan asing di Malaysia? Dari sedikit yang saya tahu tentang kewangan, aliran keluar

pelaburan asing adalah disebabkan jangkaan susut nilai ringgit atau saham.

"Apabila ringgit ditambah, tiada lagi susut nilai berbanding dolar. Nilai pelaburan mereka dijamin, tiada keperluan untuk mengeluarkan pelaburan mereka," katanya.

Ringgit dilaporkan terus merosot pada Khamis apabila dibuka paras RM4.40 berbanding dolar AS, terendah sejak Mac 2020 berikutan pendirian Rizab Persekutuan AS (Fed) yang cenderung untuk menaikkan kadar faedah.

Pada 13 Mei lalu, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), **DR MAHATHIR** Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus berkata, dasar menambat ringgit berbanding dolar AS bukan langkah terbaik demi kepentingan negara dalam persekitaran semasa yang mencabar.

Nor Shamsiah dilaporkan berkata, dasar tukaran asing yang fleksibel mampu

menyerap kejutan ekonomi dan memelihara daya saing Malaysia dalam persekitaran kewangan global.

Jelas Nor Shamsiah, kelemahan ringgit ketika ini didorong oleh faktor luaran seperti kadar faedah yang tinggi di AS dan ketidakpastian di China.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, dasar tersebut jika dilakukan dijangka dapat memastikan keselamatan anggaran belanjawan oleh kerajaan.

Menurut beliau, Bank Pusat juga sepatutnya mempunyai jumlah dolar yang mencukupi untuk dijual pada kadar yang ditambah iaitu RM3.80 setiap dolar AS sekiranya pengimport mahu membeli sesuatu dalam mata wang tersebut.

"Pada tahun 1998, Bank Negara mempunyai rizab yang kurang. Kami tidak tahu sama ada rizab itu dipegang secara tunai

dan jika dalam bentuk tunai, dalam mata wang apa? Namun, kami dapat menukar ringgit kepada dolar AS untuk membayar dalam dolar.

"Sekarang Bank Pusat mempunyai lebih banyak rizab dalam dolar AS. Pendapatan dalam dolar AS hendaklah disimpan dengan Bank Negara, sebagai pertukaran kepada ringgit. Seharusnya tidak ada kekurangan dolar AS apabila diperlukan," ujarnya.

Beliau turut mempersoalkan punca menyebabkan cadangannya untuk menambat ringgit itu masih tidak diterima.

"Saya hanya ingin tahu. Kita mempunyai lebih banyak simpanan dan rizab sekarang berbanding tahun 1997 dan 1998.

"Namun saya diberitahu bahawa jika kita menambatnya (ringgit), kita mungkin mufliis?"

"Dan mereka juga tidak memberikan cadangan sebarang penyelesaian lain boleh dilakukan," katanya.

